# ENSIKLOPEDIA SEJARAH DAN KEBUDAYAAN MELAYU

JILID PENGENALAN

# ENSIKLOPEDIA SEJARAH DAN KEBUDAYAAN MELAYU

## JILID PENGENALAN

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1991

KK 959 – 5488 5101

Cetakan Pertama 1991
© Dewan Bahasa dan Pustaka 1991

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan ensiklopedia ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara jua pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Mengkatalog-dalam-Penerbitan

Ensiklopedia sejarah dan kebudayaan Melayu.
jilid pengenalan.
Mengandungi rujukan bibliografi.
ISBN 983-62-2497-1

1. Malay Archipelago – Civilization – Encyclopedias.
2. Malay language – Asia, Southeastern – Encyclopedias.
3. Malays (Asian people) – Encyclopedias.
4. Encyclopedias and dictionaries, Malay.
959.003

Diatur Huruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Muka Taip Teks: Cheltenhem
Saiz Taip Teks: 9/11 poin

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS,
Ampang/Hulu Kelang,
Selangor Darul Ehsan

M
959.003 657557
ENS

13 JUL. 1993
Perpustakaan Negara
Malaysia

# KANDUNGAN


- Prakata vii
- Pengantar ix
- Panel Penasihat xi
- Lembaga Editor xii
- Jawatankuasa Penyelarasan xiii
- Jawatankuasa Teknikal xiv
- Jawatankuasa Pakar Bidang dan Panel Penilai xv
- Kata Masukan 1 – 117
- Penyumbang 119
- Senarai 121

# PRAKATA

HASRAT Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menerbitkan sebuah projek ensiklopedia yang besar memang sudah lama terpendam. Namun kalau projek yang sedang diselenggarakan sekarang dapat dijayakan dengan baik tidak sahaja akan menjadikannya sebagai sebuah penerbitan yang pertama seumpamanya di rantau ini malah amat besar ertinya pula bagi kepentingan ilmu pengetahuan, bangsa, dan ketamadunan Melayu.

Dalam perancangan awal untuk menjayakan projek ini, pihak kami banyak menerima pandangan dan sokongan, terutama daripada para cendekiawan dari dalam dan luar negara. Malah ahli-ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri di samping memberikan restu turut merasakan bahawa penerbitan yang berlandaskan konsep rumpun Melayu ini amat sesuai diberikan keutamaan. Beberapa jawatankuasa yang dibentuk kemudiannya, dan para penyumbang yang semakin besar jumlahnya, sentiasa berusaha bagi menjayakan projek ini. Namun, satu hakikat yang harus disedari ialah usaha menerbitkan sebuah penerbitan yang sedemikian besar bukanlah suatu usaha yang mudah malah memerlukan kepakaran, ketelitian, dan kesungguhan di samping memakan masa, tenaga, dan biaya yang cukup besar pula.

Sehubungan dengan itu, dalam usaha untuk memantapkan lagi kerja-kerja penerbitan yang sedang dilakukan kini, pihak kami memberanikan diri untuk menerbitkan *Jilid Pengenalan* ini. Tujuannya bukan sekadar untuk dijadikan sebagai panduan atau contoh penulisan di samping memperagakan rupa bentuk ensiklopedia yang akan diterbitkan nanti, tetapi dapat dijadikan sebagai bahan perbincangan yang berguna. Penerbitannya juga, walaupun dalam bentuk edaran yang terhad, diharap akan mendapat pandangan dan maklum balas yang bererti daripada pelbagai pihak, terutamanya daripada mereka yang mempunyai kaitan yang rapat dengan usaha penerbitan projek ini. Segala pandangan yang membina itu diharap akan dapat dimanfaatkan sebaiknya supaya penerbitan ensiklopedia yang sebenar nanti akan menjadi cukup menarik dan lebih berwibawa lagi.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka, Panel Penasihat, Jawatankuasa Penyelarasan, Jawatankuasa Teknikal, Jawatankuasa Pakar Bidang dan Panel Penilai, para penyumbang, editor-editor yang terlibat, dan sesiapa sahaja yang telah dan sedang giat berusaha bagi menjayakan projek penerbitan ini. Semoga dengan adanya sokongan, bantuan, dan kerjasama daripada semua pihak, hasrat kita untuk menyaksikan terbitnya sebuah ensiklopedia besar yang akan menjadi kebanggaan bersama, sekaligus pula diharap akan menjadi bahan bacaan umum yang ulung serta sumber rujukan yang utama tentang ketamadunan Melayu, akan menjadi kenyataan. Insya-Allah.

November 1991

Dato' Hj. Jumaat Dato' Hj. Mohd. Noor
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka